

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 20/06/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 14
Tajuk : ANGKASA tidak terlibat sindiket pinjaman

Angkasa tidak terlibat sindiket pinjaman

KUALA LUMPUR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melalui anak syarikatnya MyAngkasa Az Zahra Sdn. Bhd. menafikan bahawa mereka terlibat dalam sindiket penipuan pinjaman seperti dilaporkan sebuah portal baru-baru ini.



MOHAMAD SHAHARUL

Pengarah MyAngkasa

Kosmo 20/6/2019 MS 14.

AzZahra Sdn. Bhd., Mohamad Shaharul Mohamad Shariff berkata, nama dan logo Angkasa disalahgunakan sindiket itu kerana ramai penjawat awam telah ditipu dengan modus operandi sindiket berkenaan. "Kami menafikan laporan portal itu yang menyatakan Angkasa terlibat dalam sindiket penipuan pinjaman.

"Hanya koperasi yang

disahkan dengan portal ini yang layak untuk memberi pinjaman dan Angkasa hanya memainkan peranan meluluskan pemotongan gaji pemohon," katanya kepada *Bernama* semalam.

Mohamad Shaharul merujuk kepada satu laporan portal dalam talian mengenai kewujudan sindiket penipuan pinjaman menggunakan nama Angkasa untuk memalsukan penyata gaji peminjam dan menyerahkan hanya 50 peratus daripada keseluruhan

jumlah pinjaman.

"Portal My AzZahra mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan semua data peribadi pemohon akan dilindungi di bawah akta itu.

"Kewujudan portal ini untuk meminimumkan penglibatan ejen atau orang tengah dengan menghubungkan pemohon terus kepada koperasi yang ada dalam portal ini serta mengelak kemungkinan penipuan oleh syarikat kredit atau ah long," jelasnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA